

LATIHAN KAUNSELING DI MALAYSIA: SATU ULASAN DAN CADANGAN

Abdul Halim Othman
Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Md. Shuaib Che Din
Universiti Kebangsaan Malaysia

Sapora Sipon
Sekolah Psikologi Dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah.

Abstract

The rapid development and social change experienced by Malaysia in the last decade has spurred the need for counseling services. The history of counselor preparation in this country shows that a detailed set of selection standards has not yet been developed and agreed upon, though there has been some progress in this direction. Counselor preparation varies from one institution to another and this has resulted in the differences in teaching, curriculum, selection of candidates, entry requirements, counselor qualifications, training material, length and content of preparation and the degrees offered. In other words, there is no common core counselor preparation standard among the counselor education institutions. Issues such as research and testing in counselling, ethics, licensing should be discussed in formulating acceptable and high quality standards for counselor preparation. This paper will provide some suggestions in achieving high quality counselor preparation and performance in the realisation of profesional counselling services in Malaysia.

PENDAHULUAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling amat penting dewasa ini dalam era negara kita menuju negara maju. Kepesatan pembangunan sejajar dengan era perkembangan teknologi maklumat telah mendatangkan banyak perubahan kepada masyarakat. Hasil dari perkembangan, kemajuan dan pembangunan tersebut telah meninggalkan kesan sosio-psikologi yang pelbagai dan kompleks. Perkhidmatan kaunseling wujud dalam usaha manusia mencari jalan keluar agar individu menemui kesejahteraan dan celik akal. Perkhidmatan kaunseling di negara ini yang bermula secara formal dalam tahun 1960an telah menyaksikan kewujudan institusi-institusi latihan kaunseling sejajar dengan perkembangan pesat tuntutan masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling. Institusi-institusi pengajian tinggi mahupun organisasi-organisasi kerajaan, swasta, badan-badan bukan kerajaan mula menyediakan program-program persediaan kaunselor dalam usaha menyediakan bilangan kaunselor yang diperlukan. Usaha baik ini perlu dipuji. Namun, disebalik keghairahan menawarkan program-program latihan kaunseling, kualiti program-program tersebut tidak boleh diabaikan hanya kerana negara kekurangan kaunselor. Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan sejarah latihan kaunseling di Malaysia menunjukkan ia belum berupaya melahirkan bentuk latihan kaunseling yang benar-benar mantap walaupun usaha ke arah itu giat dijalankan. Wujudnya program-program persediaan kaunselor yang tidak dirancang rapi oleh institusi-institusi latihan serta tidak dikawal oleh sebuah badan yang dipertanggungjawabkan menyebabkan wujudkan perbezaan dari segi kurikulum, pengajaran, pemilihan calon, syarat minimum kelayakan, taraf kelayakan pensyarah, kemudahan latihan, tempoh masa latihan dan juga ijazah yang ditawarkan. Perbezaan-perbezaan ini akan memberi kesan kepada tahap profesionalisme kaunselor tersebut.

Satu model latihan yang mantap yang dipersetujui oleh semua institusi latihan penyediaan kaunselor masih belum wujud. Disamping itu, beberapa isu penting dalam perkhidmatan kaunseling di negara ini juga kurang diberi perhatian. Isu-isu seperti penyelidikan, ujian-ujian dalam kaunseling, etika kaunselor, dan perlesenan perlu dibincang bersama dalam usaha merangka bentuk latihan kaunseling yang boleh diterima pakai oleh semua. Atas dasar inilah, kertas kerja ini akan melihat latihan kaunseling di Malaysia serta isu-isu yang berkaitan

dengan latihan kaunseling di negara ini. Beberapa cadangan akan digariskan dalam usaha melahirkan latihan kaunseling yang mantap yang berupaya mempertingkatkan profesion kaunseling di Malaysia serta memberi kepercayaan masyarakat kepada perkhidmatan kaunseling di negara ini.

Di Malaysia, khidmat kaunseling ini adalah terlalu muda usianya iaitu cuma satu dekad setengah diwujudkan, hasil daripada perakuan UNESCO kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui seorang pakar perundingnya, R. K. Mackenzie dari Kanada. Dalam tahun 1962-63, beliau telah melatih pengelola dari Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri dalam hal yang berkaitan dengan kaunseling dan bimbingan. Ekoran dari usaha ini sebuah buku *Perkhidmatan Panduan di sekolah* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1966.

Pada tahun 1969 dengan bantuan UNICEF pula sejumlah 275 orang guru telah diberi kursus singkat selama enam hari di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras. Kemudian diikuti pula dengan seminar yang diadakan di Sekolah Menengah Bukit Bintang selama tiga hari pada tahun 1970. Diperingkat awalnya, keseluruhan tanggungjawab ditekankan kepada aspek-aspek vokasional dan bimbingan serta panduan kerjaya diperingkat sekolah-sekolah. Walaupun demikian ia tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana kekurangan kemudahan dan juga maklumat yang sistematik. Maka kelas-kelas panduan kerjaya di sekolah-sekolah hanya merupakan semacam aktiviti luar darjah sahaja.

INSTITUSI LATIHAN KAUNSELING DI MALAYSIA

Institusi latihan kaunseling di Malaysia wujud di institusi pengajian tinggi, organisasi-organisasi kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan. Selain itu, pertubuhan-pertubuhan sukarela juga menyediakan khidmat kaunseling seperti "Be Friends", Biro Guaman dan sebagainya. Walau bagaimanapun, setting sekolah merupakan setting terbesar bagi perkhidmatan kaunseling dan institusi pengajian tinggi awam merupakan sektor terbesar bagi latihan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha sejak tahun 1969 untuk memberi latihan kepada guru-guru yang menjalankan kegiatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Antara kursus-kursus yang diperkenalkan ialah;

- ◆ Tahun 1969 guru-guru bimbingan diberi peluang menghadiri kursus pendedahan bimbingan dan kaunseling anjuran Kementerian Pendidikan selama seminggu dalam masa cuti penggal persekolahan. Kursus ini dijalankan sehingga tahun 1982.
- ◆ Pada tahun 1980, Maktab Perguruan Ilmu Khas memperkenalkan kursus khas selama setahun bagi guru-guru bimbingan untuk mendapatkan Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan kaunseling.
- ◆ Mulai tahun 1980 juga Universiti Kebangsaan Malaysia memperkenalkan Kursus Diploma Psikologi Kaunseling selama setahun bagi guru-guru bimbingan dan kaunseling yang berijazah.
- ◆ Tahun 1982 pula Universiti Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Putra Malaysia) memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling selama 4 tahun). Keutamaan diberi kepada guru-guru yang mempunyai Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling serta berpengalaman mengajar selama 5 tahun.
- Pada tahun yang sama, Bahagian Pendidikan Guru mula memperkenalkan Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru-guru bimbingan selama 7 atau 8 minggu semasa cuti penggal persekolahan. Beberapa pusat KDC telah diwujudkan bagi menjayakan rancangan tersebut.
- Mulai tahun 1984, Maktab Perguruan Ilmu Khas mula memperkenalkan kursus khas selama 6 bulan bagi guru-guru bimbingan yang sudah menghadiri kursus KDC dan lulus pangkat cemerlang untuk mendapatkan Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling.
- Mulai tahun 1987, Kursus Kejurulatihan Program Pembimbing Rakan Sebaya dimulakan oleh Instituti Aminuddin Baki, Genting Highlands. Kursus ini ialah selama tiga bulan termasuk praktikum.

- Pada tahun 1989 kursus Khas Bimbingan dan Kaunseling, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur dipindahkan ke Instituti Perguruan Darul Aman, Jitra Kedah.

Pendek kata, usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi latihan kaunseling kepada guru wajar dipuji kerana ia dirasakan dapat memperkembangkan tahap keprofesionalisan kaunselor.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Institusi pengajian tinggi awam di negara ini memang banyak menawarkan program persediaan kaunselor di samping menyediakan perkhidmatan kaunseling di institusi tersebut melalui kaunselor-kaunselor yang terlatih. Perkhidmatan kaunseling yang telah mula diperkenalkan di institusi pengajian tinggi sejak dekad enam puluhan (1960an) dengan diterajui oleh UM (kini Universiti Teknologi Mara) dan diikuti oleh Universiti Malaya (1970) telah berkembang menjadi satu perkhidmatan yang kini ditawarkan oleh semua institusi pengajian tinggi di negara ini. Setiap institusi pengajian tinggi mempunyai falsafah, misi dan matlamat masing-masing. Universiti Malaya mulai menawarkan perkhidmatan kaunseling pada tahun 1969. Program Pendidikan Kaunseling telah mula diperkenalkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sejak November 1980 oleh Jabatan Psikologi. Program-program yang ditawarkan adalah Diploma Psikologi Kaunseling, Sarjana Sastera (Psikologi Kaunseling), Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Rundingcara). Universiti Putra Malaysia mula menawarkan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), dan Sarjana Sains (1982). Universiti Teknologi Malaysia pula menawarkan Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) (1983). Universiti-universiti lain yang menawarkan program kaunseling adalah Universiti Islam Antarabangsa (1980), Universiti Sains Malaysia (1988) dan Universiti Malaysia Sabah (1997).

Jelasnya, latihan dan pendidikan kaunselor di institusi pengajian tinggi di Malaysia sejak tahun 1980 menunjukkan perkembangan yang menggalakkan dari segi bilangannya. Latihan kaunseling muncul dalam berbagai bentuk seperti latihan dalam perkhidmatan, latihan guru-guru khas, latihan diperingkat ijazah pertama, diploma, sarjana dan Doktor Falsafah.

PROFESIONALISME KAUNSELING

Sebelum membicarakan tentang isu-isu yang berkaitan dengan latihan kaunseling di Malaysia, persoalan tentang profesionalisme kaunseling akan dibicarakan sepintas lalu kerana ia berkait rapat dengan latihan kaunseling di negara ini. Di Malaysia, sejak tahun 1999 telah terdapat satu badan yang bertindak mendaftar dan memberi perakuan amalan atau lesen kepada kaunselor untuk meluaskan perkhidmatan ini supaya ianya bersifat profesional. Lembaga Kaunselor yang ditubuhkan mengikut AKTA 580 (Akta Kaunselor 1998) bertanggungjawab mengawal selia latihan kaunselor dan pendaftaran kaunselor di Malaysia. Dengan adanya Akta Kaunselor 1998, hasrat PERKAMA sejak 1982 menjadikan perkhidmatan kaunseling di Malaysia sebagai satu profesion telah tercapai.

Memperkatakan tentang perlesenan ini Engelkes dan Vandergoot (1982) menggariskan tiga perkara utama dalam menentukan sesuatu profession itu sebelum diiktiraf dan diberi lesen:

- i. Profesion itu sendiri hendaklah ditentukan oleh bentuk latihan yang baku. Persatuan-persatuan profesional dalam bidang berkenaan, misalnya bidang kaunseling hendaklah menetapkan syarat-syarat penting yang harus dimasukkan dalam program latihan itu. Program latihan ini pula hendaklah disemak dan diberikan pengesahan berdasarkan pencapaian yang baku.
- ii. Profession ini hendaklah diiktiraf oleh undang-undang melalui pengakuan yang sah berupa ijazah.
- iii. Kemampuan profesion ini perlu diiktiraf oleh badan-badan profesional yang lain mengikut tahap-tahap kemampuan dan keupayaan seseorang itu. Mengikut Good (1968), profesionalisme menggambarkan dasar teori dan kesatuan pengetahuan tersebut yang boleh menghasilkan suatu kemahiran yang unik. (Kesimpulannya di negara kita sudah terdapat badan khusus yang bertanggungjawab memberi pengiktirafan kepada kaunselor. Mulai tahun 1998, Lembaga Kaunselor akan menjadi badan perlesenan dan pendaftaran kaunselor. Oleh itu bersesuaian dengan kedudukan kaunselor sebagai satu profesion, mungkin pihak Kementerian Pendidikan perlu

memikirkan cara yang sesuai untuk mengiktiraf guru kaunseling di sekolah dengan cara pemberian Sijil Amalan "Certificate of Practice" yang setanding dengan yang ditentukan oleh AKTA Kaunselor 1998.)

Nugent (1981) menjelaskan sebelum perkhidmatan kaunseling boleh diiktiraf sebagai bertaraf profesional, beberapa kriteria perlu dipenuhi. Antaranya ialah bidang ini adalah satu perkhidmatan sosial dan adalah satu bidang yang unik dan dijalankan oleh kaunselor yang berkelayakan. Satu garis panduan mengenai bidang ini perlu jelas supaya ia tidak dicampuradukkan dengan bidang-bidang lain. Yang lebih utama, orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang ini tidak boleh sewenang-wenangnya mengaku bahawa mereka adalah **kaunselor**.

Kriteria kedua ialah standard minimum perlu ditetapkan dalam pemilihan dan latihan kaunselor-kaunselor pelatih perlu wujud. Kaunselor yang sudah mempunyai kelayakan dalam bidang kaunseling pula perlu sentiasa mempertingkatkan perkembangan profesionalisme mereka. Tujuannya adalah supaya mereka akan terus dapat melaksanakan tugas dengan baik. Kaunselor juga sentiasa bersedia untuk melakukan kaunseling. Perkhidmatan kaunseling tidak akan mencapai taraf profesional sekiranya kaunselor tidak bersandar kepada kod-kod etika yang ada yang bertujuan mengawal tingkah laku ahli-ahlinya. Dalam melahirkan kaunselor yang benar-benar berkemampuan, kejayaan mereka bergantung kepada faktor personaliti, sikap kaunselor dan juga pengiktirafan pihak-pihak atasan.

Merujuk kepada perkhidmatan kaunseling di Malaysia, beberapa persoalan timbul yang boleh dikaitkan dengan isu perlesenan dan kaunseling sebagai satu profesion. Jelas, dalam usia yang masih muda, perkhidmatan kaunseling di Malaysia masih belum memenuhi banyak lagi tuntutan-tuntutan ke arah keprofesionalisme dan perlesenan. Abdul Halim Othman (1993) menjelaskan salah satu perkara utama yang perlu dilakukan sekiranya perkhidmatan kaunseling ingin dilaksanakan dengan berjaya ialah dengan sentiasa membuat penilaian dan penyelidikan terhadap program-program persediaan kaunselor. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan kaunselor dan pendidikan kaunselor perlu dibincangkan.

Berbalik kepada latihan kaunseling di Malaysia, ia menunjukkan masih belum terdapat satu latihan yang Baku. Setiap institusi yang menyediakan latihan kaunseling mempunyai kaedah atau model tersendiri. Universiti-universiti yang menawarkan program latihan kaunseling seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah masih lagi belum bersatu hati dalam menyediakan satu model latihan yang baku. Lloyd dalam Abdul Halim Othman (1996) menjelaskan beberapa model persediaan kaunselor wujud di negara ini. Terdapat institusi yang memberi penekanan dalam bidang Psikologi bila menyediakan program persediaan kaunselor manakala satu pihak lain lebih mengutamakan hanya bidang pendidikan. Oleh itu, Abdul Halim Othman (1996) mencadangkan agar bidang kaunseling di Malaysia mempunyai identiti tersendiri dengan mencipta model yang bersesuaian dengan nilai-nilai setempat. Adalah lebih mudah untuk mempunyai satu model tersendiri memandangkan bidang kaunseling lambat laun akan terlibat dengan isu-isu perundangan, kewangan dan politik.

Isu seterusnya ialah latihan praktikum dalam program penyediaan kaunselor yang masih lagi tidak seragam. Ada pendapat yang mengatakan pelatih kaunselor tidak memerlukan persiapan yang mantap dari segi akademik sebelum mereka boleh diiktiraf sebagai kaunselor yang layak melaksanakan perkhidmatan kaunseling. Pendapat ini mengatakan mereka sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan sosial seperti pendidikan, kebajikan masyarakat atau NGO. Oleh itu, terdapat pelatih kaunselor yang hanya dihantar mengikuti sesuatu kursus latihan dalam bidang kaunseling dalam jangka masa 3 atau 4 bulan. Selepas itu pelatih tersebut telah diiktiraf sebagai orang yang layak melaksanakan perkhidmatan kaunseling. Latihan amali yang cekap adalah penting kerana ia antara lainnya bertujuan melatih para pelatih membiasakan diri dengan keadaan masyarakat dan tidak teragak-agak untuk menjalankan kaunseling di setting sebenar.

Universiti-universiti yang menawarkan program persediaan kaunselor diperingkat pasca-siswazah seperti peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah juga nampaknya lebih memberikan penekanan kepada aspek penyelidikan. Terlalu banyak penekanan diberi dalam bidang

penyelidikan sehingga melupakan aspek latihan praktikum sedangkan persediaan latihan yang mantap untuk seorang kaunselor mestilah meliputi kedua-dua komponen ini. Kepentingan latihan praktikum diakui oleh Mohd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Tamin (1996) yang berpendapat latihan amali merupakan bentuk pengetahuan teknik dan asas strategi untuk menghadapi atau berhadapan dengan masalah sebenar apabila keluar sebagai seorang kaunselor nanti dan perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Begitu juga, program-program persediaan kaunselor yang ditawarkan secara separuh masa atau jarak jauh nampaknya kurang dapat merancang latihan praktikum secara sistematik. Pelajar-pelajar kurang dapat menumpukan perhatian kepada latihan praktikum kerana mereka mempunyai tanggungjawab sebagai pekerja di organisasi di mana mereka bekerja. Perkara yang sama juga mungkin berlaku kepada program pengajian jarak jauh dalam bidang kaunseling. Tujuan untuk melatih seberapa ramai bakal-bakal kaunselor terlatih sememangnya dialu-alukan, tetapi kaedah yang digunakan mungkin tidak dapat mencapai objektifnya.

Latihan persediaan kaunselor yang berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi lain di negara ini juga merupakan isu yang memberi kesan kepada pengiktirafan profesion kaunseling. Perbezaan dari segi kurikulum pengajaran, tempoh masa pengajian, jenis latihan praktikum, syarat pemilihan calon, syarat kelayakan masuk oleh setiap institusi latihan menunjukkan tidak berlakunya satu bentuk latihan yang baku. Mungkin situasi ini wujud disebabkan kaunseling belum mencapai status profesion di Malaysia seperti mana yang berlaku di negara-negara Barat. Tiada sebuah pun badan di Malaysia yang cukup kuat untuk mewakili golongan kaunselor professional sebagaimana profesion lain seperti peguam, arkitek, akauntan dan doktor. Berbagai usaha telah dijalankan. Namun, adalah tidak memadai sekiranya hanya PERKAMA yang lantang bersuara sedangkan sokongan dari pihak tertentu lemah. Status profesion kaunselor boleh dipertingkatkan dengan sokongan padu dari pihak yang terlibat.

Di negara barat seperti Amerika, untuk mendapat lesen seseorang perlu memenuhi syarat dan kriteria tertentu. Sejarahnya bermula dari peringkat persatuan kaunselor negeri dan tuntutan disalurkan melalui ACA (ketika itu digelar American Association for Counselling and Development atau Persatuan Kaunseling dan Pembangunan Amerika) maka wujudlah satu badan pengiktirafan negara, the Council

for Accreditation of Counselling and Related Educational Program (CACREP). CACREP ialah agensi yang mengiktiraf program siswazah lalu mewujudkan Council on Post Secondary Accreditation (COPA). CACREP menetapkan piawai untuk menilai pemohon menjadi ahli COPA. Untuk layak mendapat pengiktirafan CACREP, sesuatu program perlu ada 48 jam kredit kursus siswazah yang ditetapkan atau 60 jam kredit bagi pengkhususan dalam program kesihatan mental dan kaunseling/terapi perkahwinan dan kekeluargaan. Pelajar mestilah menamatkan 100 jam praktikum diselia di institusi Pendidikan dan 600 jam latihan "intern" yang diselia.

Isu seterusnya ialah isu penyesuaian budaya dalam kaunseling. Kaunselor yang mendapat latihan dari luar negara perlu mengubahsuaikan atau mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang mereka perolehi ke dalam konteks budaya tempatan. Pederson (1984) menyatakan kaunselor perlu menterjemahkan kemahiran, strategi dan teknik kaunseling supaya serasi dengan populasi yang berbeza budaya, agar ia boleh dipadankan dengan pendekatan yang betul kepada setiap populasi yang berlainan budaya. Abdul Halim Othman (1993) menjelaskan faktor budaya amat penting dalam menjalani kaunseling yang berkesan.

Sejauh manakah kaunseling di Malaysia mengeneipkan teori-teori yang ada. Kegagalan kaunselor untuk mendalami pengetahuan mengenai teori-teori kaunseling menunjukkan kelemahan kaunselor itu sendiri. Kaunseling tanpa teori boleh diibaratkan sebagai seorang pengembara melalui hutan tebal tanpa bantuan kompas. Walaupun teori-teori yang ada mungkin memerlukan pengubahsuaian dalam konteks budaya tempatan, pengaplikasian teori dalam kaunseling adalah penting. Lantaran itu, usaha mengembang teori dalam konteks Malaysia adalah satu agenda yang penting untuk dekad akan datang.

Penyelidikan telah lama dikenali sebagai satu daripada fungsi yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor. Kajian tentang permintaan bidang pekerjaan, faktor-faktor sosiologi, psikologi, antropologi dan lain-lain semuanya bermakna dalam memberikan data-data dalam usaha kaunselor melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Diantara tujuan penyelidikan dan penilaian dalam kaunseling ialah untuk mendapatkan maklumat yang penting. Kejayaan sesuatu program harus berdasar kepada penggunaan maklumat. Jangkaan atau pandangan

subjektif individu boleh diterima, tetapi tidaklah boleh dijadikan asas utama untuk merangka program atau aktiviti. Data-data berbentuk objektif adalah diperlukan untuk memulakan sesuatu perancangan yang boleh membawa kepada kejayaan sesuatu program. Abdul Halim Othman (1996) berpendapat penyelidikan dalam perkhidmatan B & K masih diperingkat bayi. Bagaimanapun usaha-usaha yang berterusan telah dilakukan oleh institusi-institusi pengajian tinggi. Penulisan dalam konteks ujian dan pengukuran pula masih diperingkat rendah, walaupun bidang kaunseling banyak menggunakan ujian-ujian psikologi. Pedersen (1984) pernah mencadangkan bahawa pengesahan ujian-ujian psikologi dan kaedah penyelidikan dalam konteks Malaysia amat perlu jika pelajar-pelajar menggunakan ujian-ujian penyelidikan, kerana usaha ini boleh membantu memeribumikan (*indigenize*) kerelevanan psikologi secara amalan, disamping meningkatkan kemanfaatan bidang psikologi di Malaysia. Abdul Halim Othman (1984) yang telah menyorot kajian-kajian yang dijalankan untuk memenuhi syarat ijazah dan diploma UKM mendapati bahawa banyak kajian memberi perhatian kepada bimbingan dan kerjaya dan psikologi umum. Hanya beberapa kajian dalam kaunseling yang bersifat eksperimen atau menguji serta menilai hasil (Abdul Halim Othman, 1984). Persoalan yang timbul ialah berapa ramai kaunselor yang mahir dalam pentadbiran ujian-ujian dan menjalankan kajian. Adakah institusi yang melatih kaunselor ini menawarkan cukup program dalam bidang penyelidikan dan pengujian dan pengukuran alat-alat ujian.

Abdul Halim Othman (1996) menjelaskan bahawa asumsi teori yang bercanggah dengan sistem nilai masyarakat dan budaya masyarakat negara ini akan menimbulkan masalah dalam amalan sebenar kaunseling yang berpandukan teori berkenaan. Jelas, perbezaan-perbezaan asas tentang asumsi teori-teori personaliti Barat dan Timur meletakkan kaunselor dalam dilema ketika melaksanakan kaunseling. Kajian-kajian oleh Pedersen (1983), Kim et. al (1993) menunjukkan terdapatnya perbezaan antara perkembangan dan pengejalan personaliti Barat dan Asia. Teori-teori yang "*indigenous*" atau pribumi di negara ini masih belum wujud. Sudah tiba masanya, kaunselor-kaunselor di Malaysia harus bersikap terbuka dalam mengkaji teori-teori yang sedia ada dan membuat pertimbangan wajar sebelum mengamalkan kaunseling. (Abdul Halim Othman, 1986). Institusi persediaan program kaunseling perlu bersifat terbuka dalam konteks ini dan menilai semula kursus-kursus yang sedia ada sekiranya mereka

masih lagi terikat dengan teori-teori Barat yang sedia ada. Universiti Malaysia Sabah, contohnya telah maju setapak lagi dengan menawarkan beberapa kursus yang mengambil budaya tempatan sebagai latar belakangnya. Contohnya ialah Psikologi Silang Budaya I dan II, Kaunseling Silang Budaya, dan Psikologi Masyarakat Malaysia Semasa.

Dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling yang berkesan, apakah pendekatan yang paling sesuai yang boleh digunakan oleh kaunselor? Persoalan ini juga tidak terlepas untuk dibincangkan. Adakah kaunselor akan lebih memberi tumpuan kepada pendekatan “*home-based*” ataupun pendekatan “*outreach*” yang melibatkan komuniti atau sistem klien yang lebih luas sama ada diperingkat institusi, keluarga, Jabatan kerajaan atau swasta.

Dalam menangani isu-isu kaunseling di Malaysia, beberapa strategi boleh digunakan. Antaranya ialah:

- ♦ Pertama, ahli-ahli dalam profesion kaunseling tidak langsung membincangkan isu tersebut. Dalam konteks ini, profesion kaunseling nampaknya akan berjalan dengan lancar untuk seketika. Namun, dalam jangka masa panjang, masalah ini akan menjadi lebih teruk. Ia boleh mengakibatkan orang-orang yang berada di luar profesion kaunseling tidak akan menghormati profesion kaunseling itu sendiri kerana tidak ada apa yang telah dilakukan untuk membaiki profesion ini. Yang lebih malang lagi ialah orang-orang yang berada dalam profesion kaunseling sendiri sudah tidak berpegang teguh kepada etika dan tidak menghormati profesion ini.
- ♦ Langkah kedua ialah memperketatkan peraturan yang telah ada. Contohnya, PERKAMA boleh menggunakan pengaruh dan sumber-sumber yang ada dalam membuat dasar atau mempengaruhi sebarang pembuat keputusan. Dengan cara ini persatuan boleh diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang bersifat profesional dan ahli-ahlinya akan juga diiktiraf sebagai pekerja yang profesional. Kaedah ini nampaknya merupakan kaedah terbaik dalam jangka masa yang pendek tetapi hasilnya tidak akan berpanjangan.

- ♦ Langkah ketiga ialah langkah yang lebih pasif di mana perkhidmatan kaunseling di negara ini hanya membuat penyesuaian selari dengan perkembangan semasa yang berlaku dalam bidang ini. Ini bermakna kaunselor hanya akan mengikut apa sahaja permintaan atau dasar yang telah dilaksanakan kepada mereka oleh pihak-pihak yang lebih berkuasa. Sekiranya ini berterusan, lambat laun profesion kaunseling akan kehilangan identiti.
- ♦ Langkah keempat ialah berusaha ke arah profesionalisme. Strategi ini adalah yang paling bersesuaian diantara ketiga-tiga strategi yang ada. Ini adalah kerana kredibiliti profesion kaunseling akan dipandang tinggi dan segala isu berkaitan dengan bidang kaunseling di negara ini akan cuba ditangani dengan cara yang lebih profesional.

CADANGAN

Dalam usaha melahirkan latihan kaunseling yang mantap yang berupaya mempertingkatkan profesion kaunseling di Malaysia serta memberi kepercayaan kepada perkhidmatan kaunseling, beberapa cadangan digariskan. Di antaranya ialah;

1. Pendidikan kaunselor sepatutnya dirangka dengan baik supaya dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan berdasarkan falsafah yang boleh menggambarkan tahap profesionalisma yang tinggi.
2. Kurikulum pendidikan kaunselor perlulah berpandukan piawai sepunya antara institusi yang melatih bakal-bakal kaunselor.
3. Tenaga pengajar sepatutnya diberi tanggungjawab membuat penilaian program dan sentiasa mencari metod / kaedah yang lebih bersesuaian dengan tahap persediaan kaunselor. Kurikulum yang dirancang sepatutnya fleksible dan bersifat dinamik yang boleh diubah suai mengikut perkembangan isu semasa.
4. Perlu adanya peluang-peluang untuk pendidikan berterusan untuk kaunselor mempraktis kemahiran dan menambahkan ilmu.

5. Pemilihan bakal pelatih adalah tanggungjawab institusi dan pelatih kaunselor mempunyai tanggungjawab untuk menerangkan dan menggunakan prosedur berkesan dalam pemilihan yang selektif.
6. Kemasukan bakal pelatih dalam program persediaan kaunselor mestilah berdasarkan bukti-bukti bahawa calon tersebut mempunyai minat, kebolehan dalam kaunseling.
7. Pra-syarat untuk kemasukan ke program persediaan kaunselor mestilah mencukupi dan perlu dinilai secara sistematik dan dikaji bila mana terdapat bukti bahawa perubahan adalah diperlukan.
8. Sepanjang program persediaan kaunselor, kemajuan calon perlulah dimantau. Perkembangan calon adalah berdasarkan kemajuan yang memuaskan.
9. Tenaga pengajar perlu mempunyai pengalaman dalam menjalankan praktikum. Mereka perlu mempunyai masa yang mencukupi dalam melaksanakan tanggungjawab profesional mereka. Ini termasuk mempunyai masa yang mencukupi untuk penyeliaan yang teliti bagi setiap calon.
10. Latihan praktikum perlu dilakukan dimana terdapatnya penyelia lapangan yang terlatih.

KESIMPULAN

Kejayaan kaunselor dalam melaksanakan tugas-tugas kaunseling amat bergantung kepada jenis latihan yang diterimanya. Perancangan program-program persediaan yang rapi oleh institusi-institusi yang terlibat adalah amat penting dalam melahirkan kaunselor yang terlatih. Sudah tiba masanya semua pihak yang terlibat dalam bidang perkhidmatan kaunseling duduk semeja dan memikirkan apakah bentuk latihan kaunseling yang paling baik boleh digunakan. Isu-isu yang boleh menjejaskan kaunseling sebagai satu perkhidmatan yang dihormati perlu diselesaikan. Kaunseling merupakan perkhidmatan menolong dan wajarlah ia dapat menolong dirinya dan orang lain.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. (1984). Penyelidikan kaunseling dan bimbingan di Malaysia. Satu penerokaan di sebuah institusi pengajian tinggi. *Jurnal PERKAMA* 1,122-139.
- Abdul Halim Othman. (1986). Beberapa isu mengenai teori-teori kaunseling Barat dan implikasinya terhadap praktik kaunseling di Malaysia. *Majalah Psikologi* 6, 21-34
- Abdul Halim Othman. & Sharifah Bee Aboo Bakar. (1993). Guidance, Counselling and Counsellor Education in Malaysia dalam Abdul Halim Othman & Amir Awang (eds.). *Counselling in the Asia Pacific region*. Greenwood Press.
- Abdul Halim Othman. (1966). Dari Jamong ke Laser: Sejarah, Konsep dan Perlaksanaan Kaunseling di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *Simposium Kaunseling Kebangsaan* pada 17.8.1996
- Good, C. V. (1954). *Dictionary of Education*. New York: McGraw Hill.
- Engelkes, J. R., & Vandergoot, D. (1982). *Introduction to counseling*. Boston: Houghton Mofflin. Co.
- Kim, U., & Berry, J. W. (ed). *Indigenous psychology, research and experience in cultural context*. Newbury Park: Sage Publication.
- Mohd Mansur Abdullah., & S. Nordinar Mohd Tamin. (1996). *Proses kaunseling*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nugent, F. A. (1981). Asian theories of personality dalam R. Corsini (ed) *Contemporary theories of personality*. Itasca,ILL: Peacock.
- Pedersen, P. (1983). *Asian theories of Personality*. Monterey, Cal: Brooks/Cole Publisher.
- Pedersen, P. (1984). Final report by External Examiner to the Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.